

Alisa Bt. Azlan
M-6-6-3, Diamond Courts
Taman Ampang Hilir
68000, Ampang
Selangor

07 December 2014

Pengurus Besar
Jabatan Sumber Manusia
Kinokuniya Book Stores (M) SdnBhd
Lots 406-408 & 429-430, Level 4
Suria KLCC, Kuala Lumpur City Centre
50088, Kuala Lumpur

Tuan/Puan

PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI

Merujuk kepada perkara di atas, saya ingin memohon untuk menjalani latihan industri di syarikat tuan.

Saya kini menjalani semester akhir saya sebagai seorang pelajar Diploma Pengajian Bahasa Inggeris di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Saya dikehendaki untuk menjalani latihan industri selama tiga bulan sebagai salah satu syarat untuk bergraduasi.

Saya seorang yang berdedikasi tinggi dan sentiasa mempunyai minat untuk mendapatkan pengalaman baru. Saya juga tidak mempunyai sebarang masalah untuk menyelesaikan tugas individu mahupun berkumpulan.

Butiran lain mengenai saya boleh dirujuk di dalam resume yang saya lampirkan bersama surat ini. Saya bersedia untuk menerima panggilan temuduga pada bila-bila masa sahaja yang tuan kehendaki. Saya boleh dihubungi melalui telefon bimbit, 019-XXX5560 atau email, alisa_azlan@yahoo.com untuk tindakan lanjut.

Sebarang maklum balas daripada pihak tuan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

(ALISA BT. AZLAN)